

- Individu-individu positif HIV adalah digalakkan untuk mendapatkan pasangan seks dan lain-lain yang mungkin terdedah (seperti anak kepada ibu yang positif HIV) untuk diuji.

Jika orang itu	Pemberitahuan kepada	Tindakan yang diambil
Sudah berkahwin	Pasangan anda	Unit Kesihatan Awam Negara akan memaklumkan pasangan jika orang itu tidak berbuat demikian dalam tempoh masa yang diberikan
Bukan rakyat Singapura dan berkahwin dengan / Penduduk Tetap Singapura	Imigresen & Lembaga Checkpoint	Orang itu akan diberikan pas lawatan sosial bagi jangkamasa pendek/ panjang yang boleh diperbaharui.
Bukan rakyat Singapura dan tidak berkahwin dengan rakyat Singapura / Penduduk Tetap Singapura	Imigresen & Lembaga Checkpoint	Orang itu akan diminta untuk meninggalkan Singapura dan tidak dibenarkan masuk ke Singapura lagi.
Bukan rakyat Singapura dan bekerja di Singapura	Imigresen dan Lembaga Checkpoint dan Kementerian Tenaga Manusia *	Pas pengambilan kerja/ permit kerja akan ditarik balik (lanjutan yang singkat mungkin diberikan bagi kes-kes tertentu).


* **Pemberitahuan keputusan HIV positif kepada Kementerian Tenaga Manusia adalah untuk tujuan statistik. Proses ini adalah sulit.**

Individu-individu positif HIV akan dirujuk ke Pusat Penyakit Berjangkit (CDC) di Hospital Tan Tock Seng, yang merupakan pusat rujukan kebangsaan bagi HIV / AIDS untuk pengurusan selanjutnya. Kondisi anda juga mungkin diuruskan di klinik HIV di dalam sesebuah hospital mengikut pilihan anda.

Nota lanjut

Kami telah cuba untuk memberikan maklumat yang lengkap, tepat dan maklumat terkini dalam risalah ini pada bukti dan pendapat perubatan semasa. Walau bagaimanapun, maklumat dan nasihat mungkin berbeza-beza dari sumber- sumber yang berbeza mengikut masa. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan lanjut, sila berjumpa dengan doktor anda atau penasihat kesihatan anda.

Lokasi Kami



Klinik DSC

31 Kelantan Lane #01-16 S(200031)

Perkhidmatan Bas (Opp Veerasamy road)

23, 64, 65, 66, 67, 130, 139, 147, 857

Stesen MRT terdekat

Bugis (EWL/ DTL) Lavender (EWL)
 Farrer Park (NEL) Rochor (DTL)
 Jalan Besar (DTL)

HIV/STI maklumat berekod

6295 2944

HIV/ STI Hotline

1800- 2521324 (Pada waktu pejabat)

Buat temujanji bersama kami

Hubungi pusat temujanji di talian 6293 9648
 atau email di apptdsc@nsc.com.sg

UNTUK MENGETAHUI INFORMASI KLINIK LEBIH LANJUT SILA LAWATI WWW.DSC-CLINIC.SG
 ATAU DI FACEBOOK KAMI DI WWW.FACEBOOK.COM/DSCSG

HIV / AIDS (MALAY)



NATIONAL SKIN CENTRE
 National Healthcare Group

Apa itu HIV?

HIV atau Human Immunodeficiency Virus adalah virus yang boleh membawa kepada Sindrom Kekurangan Daya Melawan Penyakit (AIDS). Virus ini menyerang sistem kekebalan tubuh. Virus ini melemahkan kemampuan tubuh dalam melawan infeksi dan penyakit.

Apa itu AIDS?

AIDS adalah peringkat akhir penyakit yang disebabkan oleh HIV yang tidak dirawat.

Bagaimana HIV boleh dijangkiti?

- Hubungan seks tanpa perlindungan dengan orang yang dijangkiti
- Perkongsian picagari dan jarum yang sudah tercemar (seperti di kalangan penagih dadah).
- Ibu kepada anak semasa hamil, semasa kelahiran atau melalui penyusuan payudara.
- Pemindahan darah dan produk darah yang tercemar (semua peralatan derma darah yang digunakan di Singapura adalah steril dan tidak digunakan semula).

HIV tidak boleh disebarkan melalui sentuhan biasa (seperti memeluk, berpegangan tangan, berkongsi perkakas dan makanan).

Apakah tanda-tanda dan gejala-gejala?

Kebanyakan orang yang dijangkiti HIV tidak menunjukkan sebarang tanda-tanda atau gejala. Terdapat pelbagai peringkat jangkitan :

(A) Jangkitan HIV Utama

Berlaku tidak lama selepas mendapat jangkitan HIV; penyakit seperti selesema dengan nod limfa bengkak, demam, rasa tidak selesa dan ruam panas yang kekal sehingga lebih kurang 2 - 3 minggu.

(B) Peringkat Asimptomatik (tanpa gejala)

Tiada tanda-tanda atau gejala dan boleh kekal sehingga bertahun-tahun.

(C) Limfadenopati Menyeluruh Berlanjutan

Pembesaran nod limfa yang tidak tahu puncanya di leher, ketiak dan lipatan peha selama lebih dari 3 bulan.

(D) AIDS & keadaan yang berkaitan

Ini adalah peringkat lanjutan penyakit ini. Ia mengambil masa purata 8 hingga 10 tahun dari masa pendedahan untuk orang yang tidak dirawat untuk menunjukkan tanda-tanda awal AIDS. Gejala seperti demam, kehilangan berat badan yang tidak dapat dijelaskan dan cirit-birit adalah perkara biasa. Kanser yang jarang berlaku dan jangkitan-jangkitan boleh dialami dan jangkitan-jangkitan biasa boleh menjadi teruk .

Semua orang yang dijangkiti dengan HIV dapat menyebarkan jangkitan kepada orang lain melalui aktiviti-aktiviti berisiko tinggi yang tidak selamat.

Siapakah yang harus diperiksa

Dapatkan pemeriksaan jika anda pernah mengadakan hubungan seks tanpa perlindungan. Anda harus mempertimbangkan untuk membuat ujian setiap 6 hingga 12 bulanan jika anda terlibat dalam mana-mana aktiviti yang berisiko tinggi seperti berikut:

- seks faraj atau dubur tanpa perlindungan dengan pelbagai pasangan, pasangan kasual, pekerja seks atau mereka yang diketahui sudah dijangkiti HIV.
- Perkongsian jarum apabila menyuntik dadah.

Jalanilah ujian HIV jika anda telah didiagnos dengan penyakit kelamin lain, terutamanya sifilis.

Ujian HIV di Klinik DSC adalah sulit dan rahsia. Ia bukan tanpa nama. Jika anda memerlukan ujian tanpa nama, hubungi klinik ujian tanpa nama yang berdaftar. Senarai klinik ujian tanpa nama yang berdaftar boleh didapati di laman Health Promotion Board [<http://www.hpb.gov.sg/HOPPortal/health-article/6368>]

Bagaimanakah HIV didiagnos?

Klinik DSC melakukan ujian HIV secara rutin untuk semua yang berdaftar di klinik. **Jika anda tidak ingin melakukan ujian, sila maklumkan kepada kami.**

Waktu selang untuk HIV adalah tempoh di antara waktu dijangkiti jangkitan dan masa ujian darah HIV mengesan jangkitan. Ini adalah antara 1 hingga 3 bulan.

Jika ujian darah yang dilakukan semasa waktu selang, hasilnya tidak tepat. Ujian semula dinasihatkan 3 bulan selepas pendedahan jika ujian awal anda adalah negatif.

Di Klinik DSC terdapat 2 cara untuk diuji:

- Satu sampel darah yang diambil daripada lengan (dikenali sebagai Ujian darah Antibodi HIV). Keputusan biasanya mengambil masa 3 hingga 5 hari bekerja.

- Setitik darah yang diambil daripada jari anda atau sampel swab mulut (Dikenali sebagai Ujian HIV Rapid). Keputusan biasanya mengambil masa satu jam.

Jika hasil ujian adalah reaktif, ujian pengesahan akan dijalankan.

Keputusan mengambil masa lebih kurang 14 hari bekerja.

Sementara itu, hindarkan diri daripada melakukan seks untuk mengelakkan kemungkinan menjangkiti orang lain sementara menunggu hasil ujian pengesahan. Ujian yang positif tidak bermakna bahawa seseorang itu mempunyai AIDS, yang merupakan peringkat akhir jangkitan. AIDS disahkan apabila sesetengah jenis jangkitan yang mengancam nyawa dan kanser dialami seseorang yang dijangkiti HIV.

Bolehkah HIV dirawat?

Ya, HIV boleh dirawat tetapi pada masa ini, tidak ada penawar. Ubat-ubat anti-HIV yang disediakan membolehkan jangkitan terkawal agar seseorang kekal sihat. Rawatan juga mengurangkan risiko jangkitan kepada orang lain.

Bolehkah HIV menyebabkan masalah lain?

Jangkitan HIV melemahkan sistem imun badan menyebabkan seseorang yang dijangkiti HIV lebih mudah mendapat jangkitan atau kanser yang jarang berlaku pada orang yang sihat.

HIV ketika hamil

Jangkitan HIV kepada seorang bayi yang dilahirkan oleh ibu yang dijangkiti HIV boleh hampir sepenuhnya dielakkan jika wanita hamil mengambil ubat semasa mengandung. Dapatkan nasihat doktor anda untuk langkah-langkah yang sesuai untuk mengelakkan penyebaran jangkitan kepada bayi anda.

Nota Penting

- Individu-individu positif HIV dikehendaki oleh undang-undang untuk mendedahkan status HIV mereka kepada pasangan- pasangan mereka sebelum melibatkan diri dalam hubungan seks (adalah menyalahi undang-undang menjangkiti orang lain dengan sengaja).
- Individu-individu positif HIV disyorkan untuk mendedahkan status HIV mereka kepada kakitangan perubatan dan pergigian yang melakukan prosedur invasif pada mereka.